

PM: Ringgit terus mengukuh

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
news@nsp.com.my

Di

PUTRAJAYA: Sentimen positif dan keberkesanannya polisi serta dasar yang dilaksanakan kerajaan selama ini, terbukti banyak membantu mengukuhkan nilai ringgit di pasaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pengukuhan nilai ringgit yang dinikmati negara sekarang banyak didorong oleh kenaikan harga minyak dunia dan pengaliran masuk dana serta ekuiti syarikat antarabangsa.

Beliau berkata, perkembangan itu turut disokong oleh keyakinan syarikat-syarikat asing terhadap dasar yang dilaksanakan oleh negara.

"Saya baru bincang dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan mereka memaklumkan nilai ringgit kita kukuh disebabkan harga minyak naik dan pengaliran dana serta ekuiti asing ke negara ini.

"Malah, nilai mata wang ringgit juga sudah melepas paras RM4 (berbanding satu dolar Amerika) pada 5 Januari lalu, sekali gus menjadi mata wang paling berprestasi tinggi di dunia buat masa ini," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Tugas-Tugas Khas yang juga Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Perdana Menteri berkata, selain ringgit yang semakin mengukuh, Malaysia turut meraih pengiktirafan dunia dan terbaru, Forum Ekonomi Dunia (WEF), baru-baru ini turut menobatkan.

Malaysia, sebagai negara Asia terbaik bagi Indeks Pembangunan Inklusif (negara sedang membangun) apabila berada di kedudukan 13 di dunia, meninggalkan China (26) dan India (62).

Najib berkata, ekonomi negara pada dasarnya berkembang baik sehingga Bank Dunia terpaksa menyemak semula unjuran kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak tiga kali pada tahun lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan menetapkan tahun ini sebagai tahun kejayaan dan keberhasilan yang mengagumkan.

"Tahun ini juga, kita akan melaksanakan Bajet 2018, iaitu bajet yang bersifat inklusif untuk semua orang di mana semua orang dapat merasainya termasuk penjawat awam," katanya.

Selain itu, menurutnya, beliau juga hairan kenapa masih ada segelintir pihak yang mendakwa Malaysia sebagai sebuah negara yang gagal dan bankrap.

"Baru-baru ini, saya menunaikan umrah dan Alhamdulillah, setiap kali saya menunaikan solat di masjid, saya pasti akan bertemu dengan rakyat Malaysia, malah pengalaman sama turut dikongsi oleh rakan-rakan saya bahawa mereka ada bertemu dengan rakyat Malaysia ketika bercuti di Oxford Street, London," katanya.